

Buletin **SPP**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

www.spp.gov.my

ISBN 977-2-289-63900-4



BILANGAN 2/2014

PERCUMA



DINAMIK, EFEKTIF DAN BERINTEGRITI

Isi Kandungan

■ Perutusan Pengerusi	3
■ Dari Pena Setiausaha	3
■ Kaedah Pengambilan Calon-calon Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)	4
■ Kaedah Temu Duga Calon-calon Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)	5
■ Festival Hari Guru 2014	6
■ Festival Belia 2014	6
■ Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Ke - 17	7
■ Road Tour SPP 2014	7
■ SPP Sepintas Lalu	8 - 9
■ Permuafakatan Perdana Dan Sarana Ibu Bapa 2014	10
■ Pengisian Orang Asli Bagi Urusan Pengambilan Khas Pembantu Pengurusan Murid Gred N17 di Negeri Pahang	10
■ Intellectual Discourse Siri 1 & Taklimat Memperkasa Peranan Dan Tanggungjawab Ketua Jabatan Dalam Pelaksanaan Urusan Perkhidmatan	11
■ Penggunaan Perkhidmatan Telepresence	11
■ Perginya Tidak Kembali	12
■ Pertandingan Menggubah Lagu Korporat SPP	12
■ Karnival Kerjaya	13
■ Program Mesra Rakyat	13
■ Retreat Teambuilding SPP	14
■ Wawancara Bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B. Datuk Joseph Entulu Belaun Dalam Rancangan Selamat Pagi Malaysia	15
■ Keratan Akhbar SPP Sepanjang Januari -Jun 2014	15
■ Panduan Pendaftaran jobsmalaysia.gov.my	16

Buletin SPP

Konotasi Editor

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Setinggi-tinggi kesyukuran dilafazkan kepada Tuhan Pencipta kerana dengan izinNya, maka Buletin SPP Bilangan 2/2014 ini dapat diterbitkan dengan jayanya.

Dalam kesempatan mengisi ruangan Konotasi Editor ini, saya ingin mengucapkan salam muhibbah dan terima kasih kepada semua warga SPP yang telah menyumbang kepada penghasilan buletin samada secara langsung mahupun tidak langsung.

Buletin SPP Bilangan 2/2014 ini dihasilkan sebagai wacana bagi menyampaikan maklumat terkini sekaligus sebagai medium untuk perkongsian pengetahuan yang mantap dan padat sejajar dengan objektif penerbitannya. Diharapkan semua pihak akan mendapat manfaat dan faedah daripadanya. Peredaran masa berlaku dengan pantas sekali dan kita sudah pun menginjak ke 40 tahun. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan serta tahniah kepada semua kakitangan SPP kerana telah sama-sama selama ini mengekalkan kerjasama yang utuh bagi memastikan pelaksanaan operasi harian dapat dijalankan dengan baik dan cemerlang dalam usaha memperbaiki mutu perkhidmatan yang diberikan. Selaras dengan moto transformasi, rakyat didahulukan pencapaian diutamakan akan menjadi pendorong untuk SPP kekal sebagai organisasi yang Dinamik, Efektif dan Berintegriti.

Akhir kalam, selamat membaca dan semoga bertemu dalam edisi akan datang!

*Bunga melati harum baunya
Harum lagi si bunga cempaka
Menjulung kecemerlangan wawasan kita
Bersatu berpadu untuk kegemilangan bersama*

Azreey Aziz
Azreey Aziz

Sila kemukakan komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada sidang redaksi seperti di alamat penerbit yang tertera di bawah. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang redaksi berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

1 Penasihat

- YBhg. Dato' Abu Bakar bin Othman
- En. Chin Weng Peng
- Tn. Hj. Mohd Taupik bin Yusof
- Ahmad Nazri bin Mohd Razali

4 Jurugambar

- Ahmad Nazri bin Mohd Razali

2 Ketua Editor

- Mohd Azreey Shah bin Abd Aziz

5 Wartawan

- Siti Hanani binti Baharom
- Priyashini a/p Poongavanam
- Munaliza Mirawati binti Hashim
- Norabidah binti Omar
- Mohd Tahir bin Hassan
- Rosni bin Abdullah
- Suhailah binti Mohd Shahumi

3 Grafik & Cetakan

- Sepantas kurnia (M) Sdn. Bhd.



HUBUNGI KAMI :



03 - 8871 7300 (T)
03 - 8871 7000 (F)



www.spp.gov.my (W)
allbuletin@spp.gov.my (E)



twitter.com/sppmy



[FB.com/pages/Suruhanjaya-perkhidmatan-pelajaran/](https://fb.com/pages/Suruhanjaya-perkhidmatan-pelajaran/)
121787041228662



Perutusan Pengerusi



Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya maka Buletin SPP Bilangan 2/2014 telah dapat diterbitkan. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada sidang redaksi di atas usaha murni untuk menerbitkan buletin ini. Penerbitan buletin ini membolehkan kita mengimbas kembali segala program dan aktiviti yang telah dijalankan dan menjadi sumber rujukan yang bermanfaat kepada semua warga SPP.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua supaya bersama-sama memainkan peranan dalam menyumbang ke arah menjadikan SPP sebagai Peneraju Modal Insan Perkhidmatan Pendidikan.

Datuk Dr. Hajji Bin Dolhan

Dari Pena Setiausaha



Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita bersua kembali pada Buletin SPP Bilangan 2/2014. Diharapkan agar penulisan artikel dan berita dalam buletin ini dapat dijadikan memori indah bagi warga SPP kerana merakamkan aktiviti rasmi jabatan sepanjang bulan Januari hingga Jun dan dapat mewarnai kehidupan walaupun sibuk dengan bebanan tugas harian.

Pencapaian serta kejayaan yang telah dicapai ini tidak mungkin direalisasikan tanpa usaha padu serta sumbangan warga kerja SPP yang tidak pernah mengenal erti jemu dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Terima kasih diucapkan juga kepada warga kerja SPP yang telah begitu komited menggembleng tenaga dalam menyokong pelaksanaan polisi, program dan aktiviti yang dirancang. Usaha ini perlu diterus dan dipertingkatkan lagi agar perkhidmatan yang memuaskan dapat diberikan kepada para pelanggan.

Akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penerbitan Buletin SPP Bilangan 2/2014. Segala usaha yang dicurahkan amat dihargai.

Sekian.

Dato' Abu Bakar Bin Othman





Kaedah Pengambilan Calon-calun Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)

Oleh : Suhailah binti Mohd Suhaimi, SPP

BIL

KAEDAH PENGAMBILAN

PENERANGAN

- 1** **Temu Duga Selepas Pengajian** *Temu duga dijalankan selepas calon tamat tempoh pembelajaran di IPGM/IPTA.*
- 2** **Temu Duga Semasa Dalam Pengajian** *Kaedah temu duga yang mana calon-calon ditemu duga lebih awal iaitu kebiasaannya pada semester akhir pembelajaran di IPGM atau selepas mereka menduduki peperiksaan akhir.*
- 3** **Kaedah Penilaian Khas** *Kebiasaannya dilaksanakan bagi calon-calon cemerlang. Dilaksanakan selepas calon tamat pembelajaran di IPGM/IPTA. Dijalankan seperti Bengkel/Kursus sehari. Antara syarat yang dikenakan ialah calon hendaklah memperolehi CGPA 3.5 dan ke atas, praktikum A- dan diperaku oleh IPGM/IPTA selaku dalam 30% kalangan pelajar yang cemerlang dalam pengajian.*
- 4** **Temu Duga Secara On-Site** *Dilaksanakan bagi calon-calon Guru Sandaran Terlatih (GST) yang telah gagal temu duga sebanyak dua kali dan temu duga kali ketiga dijalankan secara on-site atau PPP yang dilantik secara sementara. Temu duga dijalankan di sekolah calon tersebut yang mana penemuduga akan membuat pemerhatian semasa calon tersebut mengajar.*



Kaedah Temu Duga Calon-calun Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)

Oleh : Suhailah binti Mohd Suhaimi, SPP

BIL	KAEDAH TEMU DUGA	PENERANGAN
1	Temu Duga Secara Individu	Kaedah temu duga yang wujud sejak penubuhan SPP sehingga 31 Mei 2011. Panel temu duga akan menemu duga calon secara individu.
2	Temu Duga Secara Berkumpulan	Diperkenalkan mulai Jun 2011 dengan satu kumpulan mengandungi 5 – 6 orang calon.
3	Temu Duga Tanpa Wakil Jabatan	Dilaksanakan bagi urusan temu duga yang melibatkan calon dari kalangan Guru Sandaran Terlatih dan PPPLD ke jawatan PPPS gred DG41.
4	Temu Duga Dengan Wakil Jabatan	Diperkenalkan apabila SPP melaksanakan temu duga kepada pelajar IPGM semasa masih dalam pengajian pada hujung tahun 2009.

Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menganjurkan Program Pemantauan Pelajar Tajaan KPM di lima (5) buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Program ini bertujuan memantau prestasi akademik pelajar tajaan KPM serta memberi panduan menghadiri temu duga jawatan PPP.

Sehubungan dengan itu, pihak Bahagian Tajaan Pendidikan, KPM telah menjemput SPP untuk memberi taklimat.

Taklimat "Panduan dan Tips Menghadiri Temu Duga jawatan PPP" seperti ketetapan berikut:



Berikut merupakan urusan pengambilan bagi jawatan PPP Gred DG29 dan Gred DG41 yang telah dijalankan sepanjang bulan Januari hingga Mei 2014:-

Urusan Pengambilan PPP Gred DG29 dan Gred DG41

Urusan	PPP Gred DG29	PPP Gred DG41
Temu Duga	63	9134
Lantikan Tetap	60	15732

*Calon ditemu duga dalam tahun sebelum dan ditawarkan pelantikan ke jawatan tetap pada tahun 2014

Festival Hari Guru 2014

Oleh : Siti Hanani binti Baharom, SPP

Kuala Lumpur - Tanggal 16 Mei merupakan tarikh keramat khususnya bagi warga pendidik yang bergelar guru. Pada tarikh ini, Negara kita akan meraikan golongan ini dengan pelbagai jenis aktiviti bagi menghargai segala penat jerih yang dikorbankan untuk mendidik anak bangsa.

Aktiviti yang dijalankan pada hari tersebut adalah pertandingan, jualan dan pertunjukan yang bercirikan pendidikan. Selain itu, program interaksi dua hala seperti seminar dan ceramah turut diadakan untuk merealisasikan visi dan misi Negara bagi menuju ke arah masyarakat minda kelas pertama.

Selaras dengan itu, pada tahun ini, SPP telah turut serta mengambil bahagian sebagai pempamer (*exhibitor*) sempena festival Hari Guru 2014 yang telah diadakan pada 14-16 Mei 2014 di Dewan Tun Razak 3, Aras 3, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.



Festival Belia 2014

Oleh : Siti Hanani binti Baharom, SPP



Putrajaya - Kementerian Belia dan Sukan sekali lagi telah menganjurkan program tahunan terbesarnya iaitu Festival Belia Putrajaya 2014 bermula 22 hingga 25 Mei 2014. Festival yang menjadi kemuncak kepada sambutan Hari Belia Negara 2014 membawa konsep yang berbeza iaitu 'lihat dan rasa' selari dengan cita rasa anak muda masa kini. Festival yang diisi dengan 60 segmen yang diadakan di empat zon memberikan fokus kepada aktiviti pendidikan, kerohanian, kemahiran, kesenian, bakat, interaksi dan sukarelawan.

Tema Hari Belia 2014 adalah 'Dari Belia Untuk Belia' sekali gus menjadi medium terbaik untuk golongan belia mempamerkan bakat terpendam.

SPP juga turut serta di dalam festival ini kerana bertujuan untuk memberikan peluang dan ruang kepada anak-anak muda untuk berekspresi dan berinteraksi bersama agensi Kerajaan dengan



lebih dekat. Festival ini juga menyediakan ruang untuk menyemarakkan semangat para belia dari seluruh negara merealisasikan impian lebih besar bagi melontarkan idea serta pandangan.

Antara segmen yang diadakan sempena festival berkenaan adalah pameran pekerjaan, jualan dan pameran buku, pidato, larian zombi, tilawah al-Quran, nasyid, pameran gajet, kejohanan futsal, kejohanan seni mempertahankan diri, peperangan bantal dan banyak lagi.

Persidangan Suruhanjaya–Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Ke – 17

Oleh : Farah Wahida binti Md Noor, SPP

Langkawi - Persidangan Suruhanjaya – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia kali ke -17 telah diadakan pada 19 hingga 22 Mei 2014 bertempat di Resorts World, Langkawi. Persidangan yang bertemakan “Menjiwai Transformasi Mendepani Cabaran” telah dirasmikan oleh Dato’ Seri Hj. Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah.

Persidangan ini memberi peluang kepada peserta berkongsi pengalaman dan bertukar pandangan mengenai isu berkaitan dengan urusan pengambilan, perkhidmatan dan pengurusan sumber manusia dalam perkhidmatan awam, di samping membolehkan peserta menimba ilmu dari amalan terbaik urusan pengambilan dan pengurusan sumber manusia dan melaksanakannya.

SPP turut mengambil bahagian dengan membentangkan kertas kerja bertajuk Pelaksanaan Konsep Tahan Kerja dan Gantung Kerja yang dibentangkan oleh YBhg. Dato’ Abu Bakar bin Othman, Setiausaha SPP. Selain itu, terdapat juga perbentangan kertas kerja daripada YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam, Pengerusi SPA mengenai Keberhasilan Transformasi SPA.



Majlis penutupan persidangan ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Joseph Entulu Anak Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 22 Mei 2014. Persidangan ini adalah anjuran bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (SPP) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kedah.

Road Tour SPP 2014

Oleh : Lim Wei Kean, SPP



Pelbagai alternatif telah dijalankan dalam usaha untuk menjadikan tahun 2014 sebagai tahun pemutihan urusan-urusan perkhidmatan yang terletak di bawah bidang kuasa SPP. Bagi merealisasikan usaha tersebut, SPP telah memperkenalkan program Road Tour SPP 2014. Fokus Utama SPP ialah pemutihan urusan-urusan perkhidmatan di seluruh Negara. Penganjuran program ini juga adalah bertepatan dengan usaha merakyatkan perkhidmatan awam dan turun padang yang diperkenalkan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Pengisian di dalam ‘Road Tour’ tersebut adalah termasuk taklimat berkaitan Peranan dan Tanggungjawab Ketua

Jabatan dalam mengendalikan Urusan Perkhidmatan melibatkan PPD dan Pengetua/Guru Besar dari sekolah rendah dan menengah. Tujuan Utama taklimat ini adalah :

- untuk memperjelaskan dan memperkasakan peranan Ketua Jabatan dalam mengendalikan urusan-urusan berkaitan perkhidmatan;
- sebagai satu usaha pemutihan urusan perkhidmatan bagi memastikan tidak ada lagi kes-kes tertunggak perkhidmatan; dan
- untuk memastikan urusan perkhidmatan diuruskan dengan prosedur yang betul bertepatan dengan pekeling dan peraturan terkini yang berkuatkuasa.

Road Tour telah diadakan di tempat-tempat seperti berikut:

ZON	TEMPAT	TARIKH
Tengah	Seremban, Negeri Sembilan	26 Februari 2014
Sarawak	Sibu, Sarawak	5-6 Mac 2014
Utara	Alor Setar, Kedah	26 Mac 2014
	Sungai Petani, Kedah	27 Mac 2014
Tengah	Putrajaya	24 April 2014
Sabah	Kota Kinabalu, Sabah	25 Jun 2014
Utara	Pulau Pinang	29 September 2014
Sabah	Tawau, Sabah	6-7 November 2014
	Sandakan, Sabah	19 Februari 2014



ROAD TOUR SPP KULAIJAYA



ROAD TOUR SPP SABAH



"WASATIIYAH TONGGAK KESATUAN UMMAH"
ISTIQAMAH MENERATKAN UKHWAH

Maulidur Rasul ←



→ **Perasmian Buletin SPP**





Majlis Permuafakatan Perdana Dan Sarana Ibu Bapa 2014

Oleh : Wan Zaimashazelinda binti Wan Mazini, SPP



Bintulu, Sarawak - Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Tatau telah mengadakan Majlis Permuafakatan Perdana dan Sarana Ibu Bapa 2014 yang melibatkan lebih kurang 800 ibu bapa pelajar dari Pra Sekolah hingga Tahun 6 pada 21 Jun 2014 bertempat di Dewan SK Tatau, Bintulu Sarawak. SPP telah dijemput untuk memberikan taklimat serta perkongsian berkaitan sarana ibu bapa. Dalam majlis itu, Puan Zarita binti Dato' Zainol Abidin, Setiausaha Bahagian, Bahagian Khidmat Pengurusan telah hadir mewakili SPP bagi tujuan tersebut.



Pengisian Orang Asli Bagi Urusan Pengambilan Khas Pembantu Pengurusan Murid Gred N17 di Negeri Pahang

Oleh : Munaliza Mirawati binti Hashim, SPP

Pahang - Satu urusan pengambilan khas bagi jawatan Pembantu Pengurusan Murid Gred N17 telah diadakan pada 22 Januari 2014. Urusan pengambilan khas ini melibatkan calon di kalangan Orang Asli bagi mengisi kekosongan di sekolah Orang Asli dan sekolah pedalaman di Negeri Pahang. Urusan pengambilan khas ini telah dilaksanakan bagi mempertingkatkan kapasiti pendapatan dan kualiti hidup di kalangan Orang Asli. Selain itu, pengisian daripada kalangan Orang Asli juga adalah bagi memastikan kesesuaian sosio budaya di kalangan masyarakat setempat.

Seramai 32 orang calon daripada 3 buah daerah telah ditemu duga dalam urusan ini sebagaimana berikut:

Bil	Daerah	Jumlah Calon	Pengerusi Temu Duga
1.	Cameron Highlands	15	Puan Rahimah Binti Mohd Sura
2.	Lipis	9	Dato' Dr Soh Chee Seng
3.	Jerantut	8	Puan Rahimah Binti Mohd Sura



Intellectual Discourse Siri 1 & Taklimat Memperkasa Peranan Dan Tanggungjawab Ketua Jabatan Dalam Pelaksanaan Urusan Perkhidmatan

Oleh : Wan Zaimashazelinda binti Wan Mazini, SPP

Putrajaya – SPP telah menganjurkan program *Intellectual Discourse Siri 1 & Taklimat Memperkasa Peranan Dan Tanggungjawab Ketua Jabatan Dalam Pelaksanaan Urusan Perkhidmatan* yang telah berlangsung pada 24 April 2014 bertempat di Dewan Sheikh Daud Al-Fathoni, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin. Putrajaya. Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Joseph Entulu Anak Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Penganjuran program ini adalah merupakan inisiatif SPP bagi perkongsian dan percambahan ilmu di kalangan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) dalam menambahbaik peranan SPP selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM) bagi APP dan juga di dalam memastikan kelestarian perkhidmatan perguruan dan sektor pendidikan di Malaysia.

Program tersebut telah dihadiri oleh 300 jemputan yang terdiri daripada Anggota, warga SPP dan Pengetua/ Guru Besar di sekitar Putrajaya dan Kuala Lumpur.

Penggunaan Perkhidmatan Telepresence

Oleh : Aina Shaharina binti Ahmad, SPP

Cyberjaya - Perkhidmatan *TELEPRESENCE* merupakan salah satu komponen kolaborasi bersepadu yang menggabungkan pelbagai kaedah komunikasi melalui inisiatif pelaksanaan *Government Unified Communication (1GovUC)*.

1GovUC merupakan satu inisiatif di bawah Program Transformasi Ekonomi, Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Perkhidmatan Perniagaan (*Business Service*).

Pelaksanaan projek 1GovUC menjadi pemangkin kepada peningkatan keberkesanan pentadbiran awam dan peluasan penggunaan aplikasi-aplikasi umum dan strategik.

Sehubungan dengan itu, bagi menyokong inisiatif kerajaan dan usaha meningkatkan budaya kerja digital di kalangan pegawai dan kakitangan SPP, Pra-Mesyuarat Suruhanjaya (Pra-MSJ) Kali Ke-971 melalui perkhidmatan *TelePresence* yang disediakan oleh pihak Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah dianjurkan pada 22 April 2014 yang melibatkan 3 lokasi iaitu MAMPU Cyberjaya, MAMPU Cawangan Sarawak dan MAMPU Cawangan Sabah.



Mesyuarat secara kolaboratif dan interaktif ini telah dihadiri oleh pengurusan atasan bersama Setiausaha Bahagian dan pegawai SPP yang diketuai oleh Encik Chin Weng Peng, Timbalan Setiausaha (Pengambilan dan Perkhidmatan).



Perginya Tidak Kembali

Oleh : Rosni bin Abdullah, SPP

Putrajaya - Itulah perkataan yang dapat diungkapkan tatkala menerima berita kematian salah seorang warga Suruhanjaya Perkhidmatan



Pelajaran, Encik Mohd Razie bin Jantan, Pemandu Kenderaan Gred H11 yang telah kembali ke rahmatullah pada 16 April 2014. Beliau telah terlibat dalam kemalangan jalan raya di Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Putrajaya. Kejadian tersebut berlaku sekitar pukul 4.00 petang semasa beliau dalam perjalanan pulang ke pejabat setelah selesai urusan kerja rasminya. Beliau yang menunggang motosikal berkuasa 150cc telah bertembung dengan sebuah van yang dilaporkan cuba melakukan pusingan di bulatan berkenaan. Kejadian itu telah menyebabkan mangsa yang berusia 32 tahun telah meninggal dunia serta merta di tempat kejadian akibat kecederaan parah di leher dan kepala.

Encik Mohd Razie bin Jantan telah dilantik sebagai Pemandu Kenderaan Gred H11 pada 20 Mei 2013 itu, meninggalkan seorang balu dan seorang anak perempuan berusia 3 tahun. Semasa hayatnya, beliau adalah seorang yang suka berjenaka. Kehilangannya betul-betul dirasai oleh rakan-rakan sepejabat. Semoga segala amal jariahnya diterima oleh Allah S.W.T.



Pertandingan Menggubah Lagu Korporat SPP

Oleh : Siti Hanani binti Baharom, SPP

Putrajaya - Sempena dengan sambutan ulang tahun penubuhan SPP yang ke 40 tahun, buat julung kalinya SPP telah membuka penyertaan pertandingan menggubah lagu korporat SPP kepada umum. Pertandingan yang bermula pada Disember 2013 telah berakhir pada 28 Februari 2014 dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia sama ada amatur atau profesional yang berumur 18 tahun ke atas. Sebanyak 13 penyertaan dari pelbagai latar belakang telah menyertai pertandingan ini.

Setiap penyertaan telah melalui proses penghakiman oleh juri profesional yang telah dilantik, iaitu YM Raja Mohd Sham bin YM Raja Saari, selaku ketua Juri dan dibantu oleh Encik Shamsul Kamal bin Abd Rahman serta Encik Mohd Shakhkam bin Mokhtar. Pertandingan ini menawarkan hadiah Utama dalam bentuk wang tunai bernilai RM5,000 berserta sijil penyertaan telah dimenangi oleh Puan Jenifer Matil selaku komposer dan Encik Azam Dungun sebagai penulis lirik. Lagu SPP Peneraju Modal Insan telah dinobatkan sebagai juara setelah mendapat kata sepakat daripada juri profesional dan jawatan kuasa PEMANDU SPP. Tahniah diucapkan kepada pemenang. SPP juga mengucapkan terima kasih kepada semua peserta yang mengambil bahagian di dalam pertandingan ini.

SPP PENERAJU MODAL INSAN

TEKAD, TEGAS DAN ADIL
EFISIEN DAN AMANAH
MENGAMBIL KIRA SEMUA
HASRAT PELANGGAN
TANPA MENGIRA BANGSA
TANPA MENGIRA MASA
KAMI TETAP BERKHIDMAT

DALAM MENCAPAI WAWASAN
KAMI PENTINGKAN KUALITI
DALAM TRANSFORMASI DAN MISI BISTARI
YANG TERBAIK JADI PILIHAN

BERSAMA MODAL INSAN CEMERLANG
HASRAT NEGARA DI DAHULUKAN
BERLANDASKAN KOD ETIKA
DENGAN HATI YANG SUCI

SPP DINAMIK, EFEKTIF DAN BERINTEGRITI
SPP PENERAJU MODAL INSAN
SEKTOR PENDIDIKAN

Komposer Lagu : Jenifer Matil
Lirik : Mohd Azam Bin Sulong (Azam Dungun)





Karnival Kerjaya

Oleh : Siti Hanani binti Baharom, SPP



Putrajaya - SPP juga telah turut serta di dalam program Karnival Kerjaya anjuran Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Karnival ini bertujuan untuk memberikan pendedahan tentang perjawatan di dalam perkhidmatan awam. Karnival tersebut telah diadakan seperti dalam jadual berikut:-

Tarikh	Tempat	Masa
09/04/2014	Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, Jalan Teluk Sisek, Kuantan, Pahang.	9.00 Pagi - 4.00 Petang
02/05/2014	MRSM, Muar, Johor.	

Program Mesra Rakyat

Oleh : Siti Hanani binti Baharom, SPP



Keningau, Sabah - Ketua Setiausaha Negara, YBhg, Tan Sri Datuk Seri Dr Ali Hamsa menyanan supaya penjawat awam mengamalkan budaya turun padang melalui pendekatan "pasang telinga dan buka mata" bagi mengetahui masalah dan keperluan rakyat.

Selain itu, juga perlu peka dan memahami perkara yang berlaku di samping perlu ada "sikap segera" dalam tindakan mengatasi sebarang permasalahan ataupun isu awam sebelum ianya menjadi lebih serius. Sehubungan dengan itu, SPP turut bersama-sama turun padang meninjau dan lebih sensitif kepada persekitaran dan cabaran baru khususnya daripada kalangan pelanggan yang mempunyai harapan lebih tinggi terhadap kualiti, kecekapan dan keberkesanan khidmat yang diberikan.

Justeru, Program Mesra Pelanggan anjuran bersama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah diadakan pada 22 Mac 2014 di Dewan Masyarakat Sook, Keningau, Sabah yang dirasmikan oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.





Retreat Teambuilding SPP

Oleh : Farah Wahida binti Md Noor, SPP

Taiping, Perak – Seramai 36 orang pegawai termasuk 3 orang urus setia telah menyertai Retreat Teambuilding SPP yang telah diadakan pada 4 hingga 6 Jun 2014 bertempat di Sentosa Villa, Taiping, Perak. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kepercayaan dan kerjasama di antara pegawai di semua peringkat dan membangunkan pasukan kerja yang mantap. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk mencetuskan keinginan untuk melakukan tugas dengan lebih efektif dan meningkatkan daya kreativiti serta disiplin diri dalam kerjaya, disamping memberi pendedahan dan kesedaran mengenai penyelesaian positif di tempat kerja.





Wawancara Bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B. Datuk Joseph Entulu Belaun Dalam Rancangan Selamat Pagi Malaysia.

Oleh : Siti Hanani binti Baharom, SPP

Angkasapuri - Sesi wawancara bersama YB Datuk Joseph Entulu Anak Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada 16 Jun 2014 dalam Rancangan Selamat Pagi Malaysia yang telah disiarkan pada jam 8.40 pagi di RTM 1. Wawancara yang berisikan sempena 40 tahun penubuhan SPP dihoskan oleh Terrance Dass bersiaran secara langsung selama 20 minit.

Keratan Akhbar SPP Sepanjang Januari - Jun 2014

Oleh : Nurulhisanuddin bin Ab Hadi, SPP





PANDUAN

PENDAFTARAN

www.jobmalaysia.gov.my

jobsmalaysia.

"Gerbang Kerjaya Interaktif Anda"

gov.my

Buka Pelayar
Laman Web

<http://www.jobmalaysia.gov.my>

1

6

Pilih Sektor Pekerjaan:

- Agensi Kerajaan (Selain SPA)
- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)
- **Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP)**
- Angkatan Tentera Malaysia (Atm)
- Sektor Swasta

Masukkan
No. Mykad Anda
Dan Klik "Hantar"

2

7

Lengkapkan Maklumat
Akademik, Kategori Pekerjaan
yang Diinginkan dan Pengalaman

Di bahagian
"Pencarian Kerja", Klik
"Daftar Akaun Baru"

3

8

Sentiasa Semak:

- Bakul Masuk
- Padanan Jawatan
- Status Permohonan

Klik
"Pendaftaran Online"

4

9

Anda Perlu Membuat Carian Segera:

- Carian Kekosongan
- Carian Lokasi
- Carian Majikan

Bagi mendapatkan maklumat pekerjaan yang
bersesuaian dan membuat permohonan kerja
secara online

Lengkapkan
Profil Am Pemohon

5

10

Hubungi Job Malaysia Centre
berhampiran untuk mendapatkan
bantuan perkhidmatan berkaitan
pekerjaan.

PENCARI KERJA 10 STEP LANGKAH BIJAK



Satu Permohonan Pelbagai Jawatan
Sektor Awam Sektor Swasta